

SIARAN MEDIA

FELCRA SASAR KUASAI INDUSTRI HERBA NEGARA

Seberang Perak, 2 Februari 2023 – Konglomerat industri perladangan negara, FELCRA Berhad melalui agensi pelaksana iaitu Koperasi Peserta FELCRA Seberang Perak Berhad (KPRFSPB) kekal menjadi agensi harapan kerajaan untuk meningkatkan sosio ekonomi masyarakat luar bandar apabila mengembangkan kerjasama mereka dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) melalui pelaksanaan program berimpak tinggi dalam bentuk projek tanaman berasaskan herba di tanah gugusan FELCRA.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad, Dato' Mat Roni Zakaria, memorandum persefahaman bersama FRIM yang dimeterai pada 2018 itu berhasil membangunkan empat (4) buah projek tanaman herba terpilih seperti kacip, fatimah, kapal terbang dan tongkat ali di FELCRA Lubuk Sireh Perlis, FELCRA Nasaruddin (Belia) Bota Perak, FELCRA Kawasan Bayai, Jempol, Negeri Sembilan dan terkini di FELCRA Seberang Perak Kampung Gajah, Perak.

Pemilihan FRIM sebagai konsultan dilihat tepat kerana kejayaan organisasi tersebut menghasilkan model tanaman herba secara selingan dan tanaman tunggal yang secara strategik dapat membantu komuniti peserta FELCRA dari kalangan para peserta koperasi FELCRA, Pertubuhan Wanita FELCRA Dinamis (WADIRA), Belia FELCRA dan para usahawan FELCRA yang komited untuk mengembangkan bisnes untuk menjana pendapatan jangka masa pendek, sederhana dan panjang di samping memberikan pendedahan ilmu pengetahuan dan teknologi terkini kepada mereka dalam tanaman berasaskan herba.

Menurut Mat Roni lagi, FELCRA Berhad yakin melalui tanaman herba secara komersial ini mampu menghasilkan peluang ekonomi sampingan seperti pembangunan pelancongan agro berasaskan herba yang sudah pasti akan menarik lebih ramai pengunjung untuk menikmati pengalaman pelancongan dengan pengisian yang lebih bermanfaat dan menarik seterusnya membuka ruang pembangunan luar bandar yang lebih mampan.

Teks ucapan beliau dipetik di Majlis Perasmian Penutupan Bengkel Pemindahan Teknologi Projek Keusahawanan Peserta Berasaskan Herba Bersama Koperasi Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak (KPRFSPB) dan Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Sub Perlesenan di antara FRIM Incorporated Sdn Bhd dengan KPRFSPB.

MENGENAI KAMI

FELCRA Berhad merupakan sebuah Syarikat Korporat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan), dan dibawah penyeliaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Visi FELCRA Berhad adalah untuk menjadi Organisasi Perusahaan Sosial Termantap (social enterprise powerhouse) dalam sektor pertanian dan makanan demi mencapai misinya, iaitu untuk menjaga kepentingan ekonomi dan sosial para Pesertanya serta mengaplikasi agri-teknologi dalam mempelopori agenda Dasar Jaminan Makanan Negara. Pada masa kini, FELCRA Berhad telah menguruskan 202,867.42 hektar tanah melibatkan 107,130 peserta projek Penyatuan dan Pemulihan (P&P) dengan jumlah 1,356 Projek FELCRA di seluruh negara.

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
FELCRA Berhad
Tel: 03-4145 5440



www.felcra.com.my [f felcraberhad.official](https://www.facebook.com/felcraberhad.official) [@ felcraberhad_official](https://www.instagram.com/felcraberhad_official) [felcrabhd](https://www.youtube.com/channel/UCfelcrabhd) [felcraTV](https://www.whatsapp.com/channel/00299felcraTV)